



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

16 JUN 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Fasa Satu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh di seluruh negara yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2021 telah menunjukkan tanda positif dalam usaha melandaikan lengkung jangkitan COVID-19. Kes harian COVID-19 berjaya diturunkan dari rekod tertinggi lebih 9,000 kes pada bulan Mei, kepada 5,419 kes semalam. Kita berharap kes akan terus menurun.

Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semalam merupakan satu strategi peralihan keluar secara berfasa dari kemelut COVID-19. Pelan ini mengambil kira semua pertimbangan bagi memastikan keputusan yang diambil adalah demi menyelamatkan nyawa serta kelangsungan hidup rakyat.

Fasa Pertama PKP menyeluruh ini terpaksa dilaksanakan susulan peningkatan kes mendadak yang mengancam sistem kesihatan awam.

Justeru, kerjasama anda semua amat diperlukan bagi menjayakan Pelan Pemulihan Negara ini.

Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Dalam usaha untuk memastikan sektor perkilangan dan perniagaan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyeluruh, kerajaan telah meningkatkan operasi pemantauan dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak didapati melanggar SOP yang telah diwartakan.

Sejak 1 Jun sehingga 14 Jun 2021, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melakukan pemeriksaan ke atas 404 buah kilang dan daripada jumlah itu, sebanyak 90 buah kilang telah diarahkan tutup.

Secara kumulatifnya, sebanyak 24,834 kilang dan premis perniagaan telah diperiksa sejak 14 Januari 2021 yang melibatkan 22,819 premis perniagaan dan 2,015 kilang. Sehingga kini, 143 kilang dan 17 premis bukan kilang telah diarahkan tutup.

Dalam pada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) secara kumulatifnya sejak 13 Mei 2020 telah melaksanakan sebanyak 597,252 pemeriksaan dan telah mengeluarkan sebanyak 414 kompaun.

Manakala pada 15 Jun 2021, 1428 pemeriksaan pematuhan harian telah dilaksanakan dan sebanyak 22 kompaun telah dikeluarkan ke atas premis-premis perniagaan yang gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) perintah kawalan pergerakan.

Statistik Jumlah Aduan Ketidakpatuhan SOP Mengikut Kategori

Sejak 6 Jun sehingga 14 Jun 2021, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menerima sebanyak 266 aduan mengikut kategori yang memerlukan tindakan penguatkuasaan daripada pelbagai Kementerian/agensi.

Daripada jumlah itu, jumlah aduan tertinggi yang direkodkan adalah melibatkan pelanggaran arahan had peratusan kehadiran pekerja ke premis pekerjaan iaitu sebanyak 62 aduan, *non-essential* 50 aduan, dan 45 aduan bagi kategori ketidakpatuhan SOP AM.

Sebarang aduan boleh disalurkan terus kepada Malaysian Government Call Centre (MyGCC) menerusi talian 03-80008000, 80008000@mygcc.gov.my atau emel ke aduan.pematuhan.mkn.gov.my

Pemeriksaan Tapak Binaan

Anggota Penguatkuasa Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) membuat 138 pemeriksaan tapak binaan di seluruh negara, semalam. Hasil pemeriksaan mendapati, 43 tapak binaan beroperasi manakala 95 lagi tidak beroperasi.

Dalam pemeriksaan itu, CIDB mendapati 31 tapak binaan mematuhi SOP manakala 12 lagi diarahkan tutup. Secara keseluruhannya, CIDB sudah melakukan 18,932 pemeriksaan melibatkan 10,864 tapak binaan sejak 20 April 2020.

PKPD Kampung Bukit Gemuk, Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Bukit Gemuk, Tawau, Sabah,

Sehingga kini, sebanyak lapan (8) kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada 13 ujian saringan yang telah dilakukan oleh KKM dengan kadar positifiti 61.54%.

KKM mendapati berlaku peningkatan kes dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi dalam komuniti.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bukit Gemuk, Tawau, Sabah berkuat kuasa 18 Jun sehingga 1 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

PKPD Perumahan Etara, Jalan Agaseh, Lahad Datu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Perumahan Etara, Jalan Agaseh, Lahad Datu, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak 15 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 51 ujian saringan yang telah dilakukan oleh KKM dengan kadar positifiti 29.41%).

Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Perumahan Etara, Jalan Agaseh, Lahad Datu, Sabah berkuat kuasa 18 Jun sehingga 1 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Perumahan Awam Desa Rejang, WP Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Perumahan Awam Desa Rejang, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes yang amat ketara dalam masa yang singkat apabila 264 kes positif direkodkan hasil daripada 3,512 saringan dengan kadar positifiti 7.52%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Perumahan Awam Desa Rejang, WP Kuala Lumpur bermula 18 Jun sehingga 1 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD akan memudahkan tindakan kawalan COVID-19 dijalankan dengan cepat dan berkesan, seterusnya menghalang penularan lanjut dalam kawasan terlibat serta ke komuniti luar.

PKPD Kampung Serikin, Bau, Bahagian Kuching, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Serikin, Bau, Bahagian Kuching, Sarawak.

Sehingga kini, sebanyak 20 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 83 ujian saringan yang telah dilakukan oleh KKM dengan kadar positifiti 24.1%.

Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Serikin, Bau, Bahagian Kuching, Sarawak berkuat kuasa 18 Jun sehingga 1 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Tanjung Batu Keramat, Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Tanjung Batu Keramat, Tawau, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 22 ujian saringan dan daripada jumlah itu, 14 kes positif telah direkodkan dengan kadar positifiti 63.64%.

Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tanjung Batu Keramat, Tawau, Sabah berkuat kuasa 18 Jun sehingga 1 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD 2 lokaliti di Kudat, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kudat, Sabah iaitu:

- Kampung Landung Ayang
- Taman Lavender

Sehingga kini, KKM telah melakukan 65 ujian saringan dan daripada jumlah itu, 17 kes positif telah direkodkan di Kampung Landung Ayang manakala di Taman Lavender, 10 kes positif dikesan selepas 27 individu disaring di lokaliti ini.

Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 18 Jun sehingga 1 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Penamatan PKPD 13 Lokaliti Sekitar Pekan Bayan Lepas, Mukim 12, Barat Daya, Pulau Pinang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 13 Lokaliti Sekitar Pekan Bayan Lepas, Mukim 12, Barat Daya, Pulau Pinang yang dijadualkan tamat pada 17 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 3,582 ujian saringan dan 249 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di 13 Lokaliti Sekitar Pekan Bayan Lepas, Mukim 12, Barat Daya, Pulau Pinang pada 17 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Mukim Pekan, Kunak, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Mukim Pekan, Kunak, Sabah yang dijadualkan tamat pada 17 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,986 ujian saringan dan 158 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Mukim Pekan, Kunak, Sabah pada 17 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD SMU Pantai Manis, Papar, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Sekolah Menengah Ugama (SMU) Pantai Manis, Papar, Sabah yang dijadualkan tamat pada 17 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 495 ujian saringan dan 200 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di SMU Pantai Manis, Papar, Sabah pada 17 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 99,153 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,585 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,612 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 841 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 821 individu dikompaun manakala 20 lagi individu direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (170)
- Tiada penjarakan fizikal (165)
- Tidak memakai pelitup muka (157)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (103)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (91)
- Membawa penumpang berlebihan (87)
- Aktiviti pusat hiburan (32)
- Premis gagal patuhi arahan (12)
- Lain-lain (24)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 10 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas empat (4) buah kenderaan darat serta tiga (3) buah bot/kapal.

Dalam operasi itu, sebanyak 221 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui sembilan (9) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 952 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 898 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 171 operasi sanitasi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 83 zon merah, zon jingga (5) dan zon kuning (6).

Operasi sanitasi ini melibatkan 1,045 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 260 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 161 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 27,850 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 556 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 227,362 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 77 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,045 individu telah dikuarantin dan 216,599 orang dibenarkan pulang manakala 2,718 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 860 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (673), pemborong (155) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,397 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,382 premis mematuhi SOP manakala 15 lagi dikompaun.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 55 warga asing telah menjalani ujian saringan dan tiada kes positif COVID-19 direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 699,125 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,258 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,352 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 688,773 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**